

| | | | |
|------|----------------|---------|----------|
| DATE | 04 / 04 / 2012 | SECTION | National |
| PAGE | E 1 | COLUMN | Economy |

Tabung Haji serah zakat perniagaan RM827,156.60

CHRISTINA ULAU

KUCHING, Rabu — Ketua Menteri Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud mewakili kerajaan negeri hari ini, menerima zakat perniagaan daripada Lembaga Tabung Haji (TH) berjumlah RM827,156.60 di Wisma Bapa Malaysia di sini.

Zakat perniagaan TH itu disampaikan oleh Ketua Pegawai Operasi TH, Dato' Kamarudin Mat Ali sambil disaksikan oleh Menteri Muda Hal Ehwal Islam, Datuk Daud Abdul Rahman, Pengarah Jabatan Islam Negeri Sarawak (JAIS), Abang


Shamsudin Abang Seruji dan Pengurus Besar Tabung Baitulmal Sarawak, Datu Abang Mohd Shebili Abang Mohd Nailie.

Pengagihan zakat TH itu adalah sebahagian daripada perolehan keuntungan pendapatan yang dicatatkan oleh TH untuk tahun kewangan 2012.

Jumlah zakat untuk negeri Sarawak bagi tahun 2012 telah meningkat sebanyak lima peratus berbanding RM787,519 pada tahun 2011.

Pembayaran zakat TH adalah berdasarkan kaedah modal terlaras yang dilaksanakan mengikut pengiraan tahun kewangan semasa dan jumlah keseluruhan zakat perniagaan TH untuk tahun kewangan 2012 yang dibayar kepada seluruh negeri adalah sebanyak RM 41.2 juta.

Dalam pada itu, Sarawak merupakan negeri pertama yang menerima pembayaran zakat TH dan akan disusuli oleh negeri lain di seluruh Malaysia.



ZAKAT PERNIAGAAN ... Ketua Menteri, Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud menerima replika cek zakat pembiagaan bernilai RM826,156.60 daripada Ketua Pegawai Operasi TH, Dato' Kamarudin Mat Ali, dalam satu majlis yang diadakan di pejabat beliau di Wisma Bapa Malaysia, Petra Jaya, di Kuching, semalam. Turut kelihalan, Datuk Haji Daud Abdul Rahman, Datu Abang Shibli, Haji Hamid Awang dan Haji Abang Shamshudin Abang Seruji. • FOTO: AWANG KUSHAIRY JUNAIDI